

STRATEGI PELAKSANAAN ELEMEN PAK21 DALAM PDPC NAHU BAHASA ARAB

[IMPLEMENTATION STRATEGY OF THE 21st-CENTURY LEARNING (PAK21) ELEMENTS IN THE TEACHING AND FACILITATION (PDPC) OF THE ARABIC GRAMMAR]

FADHILAH AISYAH NOOR AZMEE^{1*}, HARUN BAHARUDIN¹ & MOHD KHALID MOHAMAD NASIR¹

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Corespondent Email: p103959@siswa.ukm.edu.my

Received: 13 August 2021

Accepted: 20 August 2021

Published: 21 August 2021

Abstrak: Nahu merupakan antara cabang ilmu bahasa Arab yang penting untuk dipelajari. Pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Nahu bahasa Arab perlu seiring dengan pendidikan semasa iaitu dengan melaksanakan pembelajaran abad ke-21 (PAK21). Namun begitu, ilmu Nahu bahasa Arab sering dianggap rumit kerana mempunyai pembentukan dan penyusunan yang meluas. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti strategi pelaksanaan elemen PAK21 dalam PdPc Nahu bahasa Arab. Kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Sampel kajian terdiri daripada tiga orang guru bahasa Arab sekolah menengah sekitar negeri Selangor dan Kuala Lumpur. Hasil dapatan menunjukkan bahawa guru sering menggunakan elemen komunikasi, kolaboratif dan pemikiran kritis dalam PAK21 Nahu bahasa Arab. Namun begitu, implikasi kajian ini telah membuktikan bahawa kelima-lima elemen PAK21 adalah sangat penting dalam memastikan PdPc Nahu bahasa Arab berjalan dengan lancar. Kesimpulannya, para guru perlu sentiasa melakukan penambahbaikan dalam strategi PAK21 Nahu bahasa Arab supaya objektif pembelajaran tercapai.

Kata kunci: Nahu, bahasa Arab, pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc), pembelajaran abad ke-21 (PAK21), strategi.

Abstract: Grammar is one of the important branches of the Arabic language to learn. Teaching and facilitation (PdPc) of Arabic grammar must be in line with current education by implementing 21st-century learning (PAK21). However, the knowledge of Arabic grammar is often considered complicated because of its extensive formation and order. Therefore, this study was conducted to identify the implementation strategy of the PAK21 elements in the Arabic Grammar PdPc. This study was implemented using a qualitative approach with a case study design. The study sample consisted of three Arabic language teachers in secondary schools around the states of Selangor and Kuala Lumpur. The findings showed that teachers often use the elements of communication, collaboration, and critical thinking in the PAK21 of Arabic Grammar. Nevertheless, the implications of this study have proven that the five elements of PAK21 are very important in ensuring that Arabic Grammar PdPc runs smoothly. In conclusion, teachers need to constantly make improvements in the Arabic Grammar PAK21 strategy so that the learning objectives are achieved.

Keywords: Grammar, Arabic language, teaching and facilitation (PdPc), 21st-century learning (PAK21), strategy.

Fadhilah Aisyah Noor Azmee, Harun Baharudin & Mohd Khalid Mohamad Nasir. 2021. Strategi Pelaksanaan Elemen PAK21 dalam PdPc Nahu Bahasa Arab [Implementation Strategy of The 21st-Century Learning (PAK21) Elements in The Teaching and Facilitation (PDPC) of The Arabic Grammar]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1(3), 36-47.

PENGENALAN

Pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) telah melakukan pembaharuan terhadap sistem pendidikan di Malaysia dengan melaksanakan perubahan pada dasar, matlamat, pendekatan dan strategi dalam PdPc di sekolah khususnya sekolah menengah. Kesan PPPM adalah melalui penambahbaikan pembelajaran di sekolah dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 (PAK21). PAK21 diistilahkan sebagai kaedah pembelajarannya berpusatkan murid yang memfokuskan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis serta kebolehan interaksi yang efektif (Nik et al. 2016). Nahu bahasa Arab tidak terlepas dari pelaksanaan PAK21. Nahu merupakan satu bidang ilmu bahasa Arab yang sangat penting kerana matlamat utama pembelajaran ilmu tersebut adalah untuk mengelakkan daripada tercetusnya kesalahan dalam percakapan, pembacaan dan penulisan. Ilmu nahu juga mempunyai peranan yang sangat penting dalam ilmu agama. (Jaafar et al. 2019).

Ilmu Nahu bahasa Arab merupakan suatu bidang ilmu yang agak rumit kerana ia memiliki pengkhususan tajuk yang lebih meluas berbanding pengkhususan dari segi makna sama ada dari segi pembentukan atau penyusunannya. Tambahan pula, metodnya adalah sangat meluas dan kompleks. Akan tetapi, sekiranya ingin melatih penggunaan bahasa Arab dengan kaedah yang betul, seseorang itu sangat disarankan untuk mempelajari dan memperoleh kefahaman yang baik dalam ilmu nahu (Misnan & Ghazali 2019). Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti strategi pelaksanaan elemen PAK21 dalam PdPc Nahu bahasa Arab.

ANALISIS LITERATUR

Pelaksanaan strategi PAK21 yang berkesan dapat meningkatkan motivasi dan prestasi pelajar dalam pembelajaran Nahu bahasa Arab. Perkara ini dapat dibuktikan daripada kajian yang dijalankan oleh Zakaria dan Hussin (2020) terhadap guru pelatih Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang mana mereka mengaplikasikan PAK21 dalam pengajaran bahasa Arab dan mendapati bahawa pelajar lebih tertarik dengan kaedah ini sekali gus memperoleh pencapaian yang lebih memberansangkan. Akan tetapi, guru masih berhadapan dengan beberapa masalah dan cabaran dalam pengajaran bahasa Arab disebabkan oleh faktor guru, faktor persekitaran dan faktor bantu mengajar (Zaini et al. 2019).

Permasalahan dan cabaran dalam pengajaran bahasa Arab pada masa kini yang dihadapi oleh para guru sememangnya tidak dapat dinafikan. Namun, Febriani et al. (2020) telah memberikan garis panduan yang sesuai dengan pelaksanaan PAK21 iaitu dengan penggunaan bahan kontekstual, bantuan teknologi, implementasi kemahiran berfikir aras tinggi serta melalui penilaian autentik. Yahya et al. (2019) juga turut menyatakan bahawa pembelajaran bahasa Arab akan menjadi lebih mudah dengan penggunaan aplikasi dan teknologi. Hal ini menunjukkan bahawa guru bahasa Arab di Malaysia perlu mempunyai kreativiti yang pelbagai dalam melaksanakan teknik pengajaran yang berkesan (Majid & Ismail, 2017).

Selain itu, keberkesanannya pelaksanaan elemen 4C iaitu komunikasi (*communication*), kreativiti (*creativity*), kolaboratif (*collaborative*) dan pemikiran kritis (*critical thinking*) dalam pembelajaran abad ke-21 bahasa Arab telah memberikan kesan yang positif terhadap prestasi pengajaran guru dan minat pelajar. Perkara ini telah dibuktikan melalui kajian yang dijalankan oleh (Sahrir, Osman dan Muhammad, 2020) terhadap 30 orang guru pelatih program Teaching Arabic as Second Language (TASL) yang menunjukkan bahawa tahap kekerapan dan peratusan bagi pelaksanaan konsep 4C dalam PAK21 bahasa Arab adalah tinggi. Oleh itu, aplikasi konsep 4C dalam PAK21 bahasa Arab adalah sangat relevan.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan pelan pelaksanaan PAK21 secara menyeluruh (KPM t.th). Hal ini bertujuan untuk memudahkan para guru merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan baik. Pelaksanaan PAK21 secara umumnya lebih memfokuskan pembelajaran berpusatkan pelajar. Kajian yang dijalankan oleh Benlance et al. (2020) telah menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar ini mendapat respon yang baik daripada pelajar sendiri. Seterusnya, Hamidin & Ismail (2018) menjelaskan bahawa keberhasilan pelaksanaan PAK21 bahasa Arab memerlukan kerjasama yang baik daripada pelajar, guru, ibu bapa dan masyarakat.

Di samping itu, Nahu merupakan antara cabang ilmu terpenting dalam bahasa Arab. Namun, tahap penguasaan ilmu ini dalam kalangan pelajar masih berada di tahap yang rendah dan membimbangkan. Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian yang dilaksanakan oleh Misnan dan Ghazali (2019) terhadap 15 orang pelajar yang mengambil kursus Bahasa Arab Muamalat di Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL) telah membuktikan bahawa pelajar masih lemah dalam menguasai ilmu tatabahasa. Kajian yang dijalankan oleh Mokhtar et al. (2017) terhadap 265 orang pelajar Asasi Univeristi Awam juga telah menunjukkan penguasaan tatabahasa Arab berada di tahap sederhana. Hal ini bermakna usaha untuk memantapkan tahap penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar perlu ditingkatkan.

Selain itu, pelajar dari sekolah tahfiz atau pondok sangat signifikan dengan penguasaan ilmu bahasa Arab. Akan tetapi, kajian yang dijalankan oleh Azizan et al. (2019) terhadap 279 orang pelajar Tahfiz al-Qiraat di Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) dan Darul Quran Jabatan Kemahanan Islam Malaysia (JAKIM) telah membuktikan bahawa responden mempunyai persepsi pada tahap yang sederhana bagi pembelajaran ilmu bahasa Arab walaupun pelaksanaannya berjalan dengan baik. Pada hakikatnya, ilmu bahasa Arab terutamanya Nahu mempunyai kepentingan yang sangat tinggi dalam meningkatkan tahap kecekapan pelajar untuk memahami dan menghafal al-Quran (Jaafar et al. 2019).

Kepentingan ilmu tatabahasa ini juga dapat dilihat dari sudut bahasa yang berbeza seperti bahasa Inggeris. Menurut al-Khresheh dan Orak (2011), kemahiran tatabahasa yang baik membolehkan seseorang menguasai bahasa sasaran dengan lebih cekap. Kreativiti dalam pengajaran ilmu tatabahasa dapat menarik minat pelajar untuk mempelajari ilmu ini yang sering dianggap sukar. Sebagai contoh, guru boleh menggunakan modul mukhayyam sebagai satu kaedah pembelajaran bahasa Arab di luar kelas (Nor & Yusoff, 2019). Selain itu, pengajaran dan pembelajaran koperatif juga dapat meningkatkan motivasi pelajar untuk mempelajari ilmu tatabahasa Arab dengan kesungguhan yang tinggi (Nik et al. 2016).

Secara umumnya, ilmu tatabahasa tidak dapat lari daripada semua proses pengajaran bahasa Arab. Perkara ini telah jelas dibincangkan dalam kajian yang dilaksanakan oleh Nazari dan Mohammadi (2020) terhadap 40 orang pelajar jabatan Pengajian al-Quran dan Etrat di

Universiti Bandar Isfahan yang mendapati bahawa kaedah induktif, pembelajaran koperatif, penilaian kendiri, penilaian rakan sebaya dan pemetaan mental penting dalam proses pengajaran ilmu tatabahasa di universiti. Selain itu, kandungan kurikulum bahasa Arab yang baik untuk pelajar juga penting dalam menjayakan objektif pengajaran tatabahasa supaya dapat mengintegrasikan kepelbagaiannya bidang linguistik sekali gus dapat mengatasi kelemahan lain yang seharusnya ditangani dengan baik (Majadly & Geva, 2020).

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti strategi pelaksanaan elemen PAK21 dalam PdPc Nahu bahasa Arab.

PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah elemen PAK21 yang sering digunakan oleh guru dalam PdPc Nahu bahasa Arab?

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dilaksanakan adalah berbentuk kajian kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah melalui temu bual. Pengkaji telah memilih kaedah temu bual separa berstruktur untuk mendapatkan maklumat berkaitan strategi elemen PAK21 iaitu komunikasi, kreativiti, kolaboratif, pemikiran kritis serta nilai murni dan etika yang diperlukan dalam kajian ini. Temu bual yang dijalankan adalah melalui panggilan telefon sahaja disebabkan oleh kekangan pandemik Covid-19 dan direkodkan. Sampel kajian terdiri daripada tiga orang responden dari kalangan guru bahasa sekolah menengah di sekitar negeri Selangor dan Kuala Lumpur. Pemilihan sampel adalah berdasarkan persampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang mana pengkaji telah meletakkan syarat responden mestilah mempunyai pengalaman mengajar lima tahun ke atas, mengajar bahasa Arab sekolah menengah dan berkhidmat di sekolah sekitar negeri Selangor dan Kuala Lumpur.

Selain itu, pengkaji telah membuat protokol temu bual yang diadaptasi daripada kajian Awaluddin (2013) dan mendapatkan pengesahan pakar yang merupakan pensyarah dalam bidang pendidikan bahasa Arab sebagai proses kesahan dan kebolehpercayaan. Setelah itu, pengkaji telah melakukan kajian rintis kepada dua orang guru bahasa Arab secara umum sebagai gambaran awal kepada proses temu bual yang akan dijalankan. Menurut Jasmi (2012), kajian rintis dalam kajian kualitatif dilaksanakan bertujuan untuk melihat kesesuaian dan mengenal pasti kekurangan yang terdapat pada instrumen temu bual. Melalui kajian rintis ini juga pengkaji dapat melihat kesesuaian instrumen temu bual dengan objektif dan persoalan kajian.

Hasil temu bual yang telah dijalankan, pengkaji telah menulis semula hasil dapatan dalam bentuk transkrip dan mendapatkan pengesahan daripada responden. Pengkaji menggunakan kaedah analisis transkripsi dengan mengenal pasti bentuk strategi pelaksanaan elemen PAK21 dalam PdPc Nahu bahasa. Melalui kaedah ini, pengkaji akan meletakkan kod pada setiap responden dan mencatatkan segala maklumat-maklumat penting. Setelah itu, hasil kod tersebut akan disusun oleh pengkaji serta dijelaskan dengan huraiyan yang lebih mudah

difahami untuk digunakan dalam dapatan kajian. Langkah-langkah analisis data yang dilaksanakan adalah pembersihan data, memahami data dan pembentukan kategori dan konsep (Muhammad, 2014).

i. Pembersihan Data

Segala rakaman audio yang mengandungi temu bual bersama responden akan dicatatkan oleh pengkaji sebagai prosedur pertama dalam pembersihan data. Kemudian, maklumat yang diperolehi akan dijadikan sebagai transkrip dan diletakkan indeks padanya. Satu kod telah ditetapkan bagi setiap responden yang ditemu bual dan kaedah ini disebut sebagai pengindeksan. Contohnya seperti G1, G2 dan G3 yang merujuk pada guru 1, guru 2 dan guru 3. Rasional penetapan kod untuk semua transkrip dan setiap bahagian di dalam transkrip adalah supaya dapat memudahkan pengkaji untuk mencari semula data asal.

ii. Memahami Data

Langkah kedua yang digunakan oleh pengkaji adalah dengan memahami data yang telah dikumpulkan. Pada fasa ini, pengkaji akan membaca transkrip beberapa kali kemudian menyatakan soalan penyelidikan yang bersesuaian.

iii. Pembentukan kategori dan konsep

Kaedah mengkategorikan data adalah sangat berguna dalam mengaplikasikan setiap maklumat yang diperolehi mengikut tema-tema yang berbeza. Antara tema-tema yang digunakan adalah berdasarkan lima elemen PAK21 iaitu komunikasi, kreativiti, kolaboratif, pemikiran kritis serta nilai murni dan etika. Kesemua elemen ini disesuaikan dengan strategi PAK21 dalam PdPc Nahu bahasa Arab.

ANALISIS DATA

RQ	SUMBER DATA	TEMA	ANALISIS DATA
Apakah elemen PAK21 yang sering digunakan oleh guru dalam PdPc nahu bahasa Arab?	Temu bual	Strategi elemen PAK21 dalam PdPc nahu bahasa Arab <ul style="list-style-type: none">• Elemen PAK21<ul style="list-style-type: none">1) Komunikasi2) Kolaboratif3) Kreativiti4) Pemikiran kritis5) Nilai murni & etika	Analisis transkripsi

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan temu bual yang telah dilakukan oleh penyelidik terhadap tiga orang responden yang terdiri daripada guru bahasa Arab sekolah menengah, penyelidik mendapati bahawa mereka telah menggunakan kelima-lima elemen dalam PAK21 dalam PdPc Nahu bahasa Arab. Antara elemen tersebut ialah komunikasi, kreativiti, kolaboratif, pemikiran kritis serta nilai murni dan etika. Penyelidik telah menghuraikan elemen tersebut satu-persatu seperti mana berikut:

1) Komunikasi

Aktiviti pembentangan dijadikan sebagai salah satu medium untuk menilai elemen komunikasi pelajar dalam bahasa Arab. Berdasarkan aktiviti tersebut, guru mampu melihat tahap keyakinan pelajar apabila berkomunikasi dalam bahasa Arab iaitu melalui gaya pembentangan masing-masing.

G2: “Aaa. Pernah. Pembentangan dalam kumpulan lah. Kita bagi tugasan, bincangkan dan mereka bentanglah di depan.”

G3: “Macam yang selalu dibuat adalah aa... pembentangan laa. Kadang-kadang sebab aa... kita nak menekankan مهارة الكلام dalam masa yang sama aa... untuk menguji مهارة الكلام tapi diselitkan dengan kaedah Nahu dari sudut penggunaan فعل تصريف dan sebagainya, itu akan diselitkan dalam pembentangan yang dibuat.”

Selain itu, pelajar juga perlu berkomunikasi sepenuhnya dalam bahasa Arab. Hal ini kerana silibus bahasa Arab Dini memerlukan interaksi guru dan pelajar dilakukan sepenuhnya dalam bahasa Arab dalam usaha untuk mencapai objektif pelajaran yang mengharapkan pelajar mampu berkomunikasi dalam bahasa Arab dengan baik.

G1: “ Hmm... Sebab sekarang ni kita dah... macam sekolah yang ambek Dini. Jadi, bila Dini, dia 100% pembelajaran dalam bahasa Arab. Pelajar dan guru wajib bercakap bahasa Arab.”

Di samping itu, aktiviti *hot seat* juga boleh dijadikan sebagai aktiviti yang menilai elemen komunikasi dalam PAK21 Nahu bahasa Arab. Hal ini kerana aktiviti ini lebih banyak menekankan elemen interaksi antara pelajar. Pada masa yang sama pelajar dapat melatih diri masing-masing untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab dengan penggunaan tatabahasa yang betul.

G2: “Boleh, kalau kita nak adaptasikan dalam pembalajaran kita, takde masalah. Contoh kita boleh... macam hot seat tu dia salah satu elemen PAK21 kan. Hot seat kita boleh praktikkan untuk bahagian kalimat. Dyorang kan akan belajar kalimat dulu, jadi kita suruh mereka hafal. Dah hafal, ok kita akan pilih sorang

duduk depan. Lepas tu orang akan tanya apa makna ni, apa makna tu. Kita bagi makna Melayu, cuba Arabkan. Macam tu pon boleh. So, kalau kita buat ayat pon boleh jugak, sama jugak. Contoh yang biasa ustazah buat hot seat.”

2) Kreativiti

Dari sudut elemen kreativiti, ia dinilai berdasarkan aktiviti yang dilakukan oleh guru di dalam kelas. Contohnya seperti melalui aktiviti pembentangan dalam kumpulan. Pelajar mempunyai idea yang pelbagai dalam melakukan pembentangan. Mereka akan saling bekerjasama untuk mencerahkan idea supaya dapat menghasilkan hasil kerja yang terbaik dan memuaskan.

G1: “Memang ada buat pembentangan.”

G2: “Aaa. Pernah. Pembentangan dalam kumpulan lah. Kita bagi tugas, bincangkan dan mereka bentanglah di depan.”

G3: “Macam yang selalu dibuat adalah aa... pembentangan laa.”

3) Kolaboratif

Elemen kolaboratif lebih difahami sebagai kerjasama antara pelajar untuk menyelesaikan masalah atau membincangkan sesuatu isu. Kebanyakan aktiviti PAK21 sangat menekankan elemen ini kerana ingin menjayakan matlamat pembelajaran berpusatkan murid. Berikut merupakan antara contoh aktiviti yang menekankan elemen kolaboratif yang pernah dilakukan oleh guru, khususnya bagi tajuk Nahu bahasa Arab:

G2: “aaa... *one stray* apa tu... (*one stray three stay*)”

Di samping itu, pelajar lebih mudah untuk bekerjasama antara satu sama lain dalam aktiviti pembentangan. Hasil pembentangan yang baik menunjukkan bahawa pelajar mampu berbincang dan berinteraksi dalam kumpulan masing-masing.

G1: “Memang ada buat pembentangan.”

G3: “Macam yang selalu dibuat adalah aa... pembentangan laa.”

Selain pembentangan, guru turut meminta pelajar untuk membuat aktiviti dalam kumpulan. Oleh itu, guru akan lebih mudah menilai elemen kolaboratif dalam setiap aktiviti yang dijalankan. Antara contoh aktiviti berkumpulan adalah seperti berikut.

G1: “Aktiviti berkumpulan biasanya kita akan bagi satu teks dan keluarkan apa sahaja jenis tajuk Nahu yang pernah mereka belajar.”

4) Pemikiran Kritis

Kebiasaannya, guru bahasa Arab akan memberi peluang kepada pelajar untuk mendalami dan memahami sesuatu topik terlebih dahulu sebelum diterangkan lebih lanjut. Melalui kaedah ini

dapat melatih pelajar untuk berfikir di luar kotak iaitu dengan meningkatkan elemen pemikiran kritis. Tahap pemikiran kritis pelajar dapat dinilai sekiranya pelajar mampu memahami sesuatu tajuk sebelum diajar oleh guru.

G3: “Strategi yang aa... atau pun pelaksanaan yang difokuskan pada anak murid ni adalah untuk mereka discover dulu sesuatu kaedah. Contohnya, kaedah I’rab atau pun aa... kaedah Nahu yang lain. Contoh macam مفرد مشتى جمع kan. Kita lebih fokus untuk dyorang explore dulu sebelum kita explain, jelaskan apa yang dimaksudkan dengan مفرد مشتى جمع dan sebagainya, macam tu.”

Selain itu, berikut merupakan antara aktiviti pelajar yang dapat mengasah kemahiran berfikir secara kritis. Pelajar perlu memikirkan cara untuk membentuk kumpulan dengan sebutan nombor yang betul dalam bahasa Arab. Melalui aktiviti ini dapat menunjukkan bahawa pelajar perlu tahu penggunaan nombor dalam bahasa Arab dengan baik supaya tidak berlaku kesilapan dalam pembentukan kumpulan.

G3: “Contoh mudah yang pernah aa... dibuat sekarang ni, katakanlah kita nak tentang الأرقام, nombor kan. Lepas tu, bila kita nak ajar sesuatu nombor, bagi menguji kefahaman dyorang bila masuk 2021, kita suruh mereka setiap orang diberikan nilai nombor tersebut dan kita mintak untuk pelajar bentukkan kumpulan yang hingga mencukupi katakanlah in through benda tu. So, maksudnya dyorang sendiri yang akan aa... berfikir menggunakan nombor-nombor bahasa Arab yang diwakili oleh setiap pelajar tu hingga kumpulan itu berjaya membentuk nombor 20. Haa, macam tu.”.

Kekangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) juga menyebabkan guru lebih kreatif mempelbagaikan kaedah pengajaran yang dapat menarik minat pelajar iaitu melalui aktiviti gamifikasi secara atas talian. Aktiviti ini dapat meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis pelajar serta para guru dapat memanfaatkan kemudahan teknologi yang sedia ada dalam membantu melancarkan aktiviti PdPc mahu pun PdPR.

G1: “Aaa.. kita buat game. Buat permainan.”

G3: “Disebabkan kita belajar online kita lebih banyak menggunakan educational game laa.”

Di samping itu, aktiviti think pair share adalah antara aktiviti yang menilai elemen pemikiran kritis dalam PAK21 Nahu bahasa Arab. Hal ini kerana aktiviti ini memerlukan pelajar untuk berfikir menyelesaikan sesuatu masalah dalam kumpulan selain dapat berinteraksi antara satu sama lain. Setiap individu dalam kumpulan berperanan dalam menyumbangkan idea dan pendapat supaya mendapat hasil kerja yang terbaik dan memuaskan.

G3: “Contohnya macam think pair share laa, apa laa, semuanya.”

5) Nilai Murni dan Etika

Elemen nilai murni dan etika para pelajar dapat dinilai berdasarkan respon mereka terhadap semua aktiviti PAK21 Nahu bahasa Arab sama ada positif atau negatif. Pendekatan PAK21 telah berjaya menarik minat pelajar untuk mempelajari bahasa Arab dengan lebih baik khususnya Nahu yang sering dianggap sukar.

G3: “Pemerhatian ustazah PAK21 ni dia membuatkan aa... sesi PdPc tu lebih menarik. Sebab pelajar sendiri tak rasa bosan bila belajar bahasa Arab.”

Melalui elemen kolaboratif juga dapat dikaitkan dengan elemen nilai murni dan etika yang mana pelajar tiada masalah untuk berbincang antara satu sama lain. Guru dapat melihat nilai kerjasama, tolerasi dan saling membantu yang cuba ditonjolkan oleh pelajar dalam kumpulan masing-masing.

RINGKASAN DAPATAN

Elemen PAK21	Temu bual
Komunikasi	<ul style="list-style-type: none"> - Pembentangan - Hot seat - Perbualan
Kreativiti	<ul style="list-style-type: none"> - Pembentangan
Kolaboratif	<ul style="list-style-type: none"> - Pembentangan - Aktiviti berkumpulan - One Stay Three Stay
Pemikiran kritis	<ul style="list-style-type: none"> - Tahap pemahaman suatu tajuk - Aktiviti berkumpulan - Think Pair Share - <i>Educational game</i>
Nilai	<ul style="list-style-type: none"> - Respon positif pelajar terhadap PAK21

PERBINCANGAN

Berdasarkan hasil dapatan daripada temu bual yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa setiap guru mempunyai strategi yang khusus dalam melaksanakan PAK21 dalam PdPc Nahu bahasa Arab. Para guru cuba memasukkan kelima-lima elemen PAK21 iaitu komunikasi, kreativiti, kolaboratif, pemikiran kritis serta nilai murni dan etika seperti mana yang telah

digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Perkara ini turut dijelaskan oleh Hamidin & Ismail (2018) yang menyatakan bahawa kesemua elemen PAK21 adalah penting untuk dijadikan sebagai nilai utama dalam pembelajaran dan KPM sangat mengambil berat akan keberhasilan pelaksanaannya.

Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa responden sering menggunakan elemen komunikasi, kolaboratif dan pemikiran kritis dalam PAK21 Nahu bahasa Arab yang mana lebih memfokuskan kepada pembelajaran berpusatkan murid. Kajian yang dilaksanakan oleh Benlancene et al. (2020) telah membuktikan bahawa pelaksanaan pembelajaran berdasarkan murid telah menjadikan pelajar lebih proaktif untuk berinteraksi antara satu sama lain dalam berkongsi idea dan pendapat. Pelajar bertanggungjawab untuk melibatkan diri dalam setiap aktiviti pembelajaran supaya objektif pembelajaran tercapai dengan jayanya.

Hasil daripada kajian yang telah dilaksanakan, pengkaji telah mencadangkan beberapa cadangan kajian lanjutan supaya perbincangan berkenaan strategi pelaksanaan elemen PAK21 dalam PdPc Nahu bahasa Arab dapat diteroka dengan lebih mendalam. Antaranya ialah pengkaji akan datang boleh meneruskan kesinambungan kajian ini dengan menggunakan metod kuantitatif dengan sasaran responden yang berbeza, contohnya seperti pelajar dari kalangan institusi pengajian tinggi (IPT). Perbincangan mengenai isu pembelajaran Nahu juga boleh diperluaskan lagi supaya masyarakat sentiasa cakna akan kepentingan ilmu Nahu dalam pembelajaran bahasa Arab.

Seterusnya, limitasi kajian yang memberi sedikit kekangan dalam melaksanakan kajian ini ialah kesukaran untuk mendapatkan sasaran responden. Hal ini kerana para guru terlalu sibuk dengan urusan PdPR. Pada awalnya pengkaji ingin memfokuskan kepada guru bahasa Arab tingkatan enam sahaja, tetapi kekangan dalam mendapatkan responden guru bahasa Arab tingkatan enam menyebabkan pengkaji memperluaskan sasaran responden kepada guru bahasa Arab sekolah menengah yang mengajar mengajar bahasa Arab tingkatan satu hingga lima. Masalah yang dihadapi tidak menjadi satu penghalang yang besar untuk pengkaji menyelesaikan kajian ini dengan jayanya.

Di samping itu, pengkaji juga mempunyai dapatan kajian yang tidak dijangka dari awal yang mana perubahan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) tidak membenarkan para guru mengajar tajuk Nahu secara langsung terutamanya bagi pelajar menengah bawah. Hal ini kerana DSKP kini lebih menekankan kepada empat kemahiran bahasa iaitu membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Pelajar hanya didedahkan dengan tajuk Nahu secara langsung sebaik sahaja melangkah ke menengah atas. Guru terpaksa mengambil inisiatif membuat kelas tambahan sekiranya ingin mengajar tajuk Nahu kerana dalam peperiksaan terdapat soalan-soalan yang menjurus kepada tatabahasa.

Secara umumnya, implikasi kajian yang dilaksanakan telah membuktikan bahawa kelima-lima elemen PAK21 adalah sangat penting dalam memastikan PdPc Nahu bahasa Arab berjalan dengan lancar. Menurut Zakaria & Hussin (2020), pelaksanaan strategi PAK21 memberikan kesan yang baik terhadap pembelajaran bahasa Arab. Para guru disarankan untuk menjadi lebih kreatif dalam PAK21 supaya dapat menarik minat pelajar dalam pembelajaran Nahu bahasa Arab. Para guru juga perlu menggunakan laras bahasa yang sesuai kepada pelajar supaya isi kandungan pelajaran lebih mudah difahami dengan baik. Kajian ini memberikan kepentingan yang besar kepada guru bahasa Arab untuk sentiasa melakukan penambahbaikan dalam pelaksanaan PAK21 Nahu bahasa Arab.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kesemua elemen PAK21 iaitu komunikasi, kreativiti, kolaboratif, pemikiran kritis serta nilai murni dan etika adalah sangat penting untuk dititikberatkan dalam PAK21 Nahu bahasa Arab walaupun responden kajian ini lebih menekankan tiga elemen sahaja iaitu komunikasi, kolaboratif dan pemikiran kritis. Hal ini kerana pelaksanaan kesemua elemen PAK21 dalam PdPc Nahu bahasa Arab dapat menjayakan strategi pembelajaran berpusatkan murid. Walaupun sistem pendidikan negara sering mengalami perubahan, para guru seharusnya sentiasa bersedia dengan segala bentuk strategi pengajaran yang berkesan supaya proses PdP berjalan dengan lancar dan objektif pembelajaran tercapai dengan jayanya.

RUJUKAN

- Awaluddin. 2013. Aplikasi Nahu dalam Komunikasi Bahasa Arab. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Azizan, K. F. K., Shaharuddin, H. N., Rosnan, F. N. R., & Ismail, W. 2019. Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Wal Qiraat. *e-Bangi*, 16(2).
- Benlahcene, A., Lashari, S. A., Lashari, T. A., Shehzad, M. W., & Deli, W. 2020. Exploring the Perception of Students Using Student-Centered Learning Approach in a Malaysian Public University. *International Journal of Higher Education*, 9(1): 204-217.
- Febriani, S. R., Wargadinata, W., Syuhadak, S., & Ibrahim, F. M. A. 2020. Design of Arabic Learning for Senior High School in the 21st Century. *Jurnal Al Bayan: Jurnal Jurusan Pendidikan Bahasa Arab*, 12(1): 1-21.
- Jaafar, N. & Dzahid, M. Z. 2019. Hubungan Antara Tahap Penguasaan Asas Kosa Kata Arab Dan Tatabahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Madrasah Tahfiz Sekitar Melaka. *Jurnal Kesidang*, 4(1): 53-62.
- Jasmi, K. A. 2012. *Kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif*. Fakulti Tamadun Islam: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. t.th. Pembelajaran Abad Ke-21. t.tp.: t.pt.
- Al-Khresheh, M. H., & Orak, S. D. 2021. The Place of Grammar Instruction in the 21st Century: Exploring Global Perspectives of English Teachers towards the Role of Teaching Grammar in EFL/ESL Classrooms. *World Journal of English Language*, 11(1): 9-23.
- Majadly, H., & Geva-Kleinberger, A. 2020. Arabic Grammar Curricula for Primary Schools in Middle Eastern Countries: A Comparative Study. *Journal of Educational Media, Memory, and Society*, 12(2): 1-29.
- Majid, M. R. B. A, & Ismail, Z. 2017. Kreativiti Pengajaran Guru Bahasa Arab Di Malaysia. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4(4): 27-38.
- Misnan, S. N. & Ghazali. S. S. 2019. Analisis Kesalahan Tatabahasa Arab dalam Kalangan Pelajar dalam Pembelajaran Asas Bahasa Arab di Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL). *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*, hlm. 86-97.
- Mokhtar, W. R. W., Abd Rahman, M. Z., Adnan, M. A. M., & Salleh, N. H. M. 2017. Penguasaan Tatabahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia. *al-Basirah Journal*, 7(2): 23-41.
- Nazari, A., & Mohammadi, D. 2020. The effectiveness of using active learning strategies to improve learning Arabic grammar for students of the Quranic Sciences and Hadis Department of Isfahan. *Studies in Arabic Teaching and Learning*, 4(1): 115-134.

- Nik, M., Baharudin, Y. D. H. B., Azmi, M. B., Suboh, Z. B., Shamshir, S. S. B. M., Abd Ghani, F. S. B. & Suhaimi, N. B. 2016. Kolokium Pendidikan Bahasa Arab 2016 (Kobar 16).
- Nor, M. N. M & Yusoff, N. M. R. N. 2019. *Pembelajaran Bahasa Arab di Luar Bilik Darjah: Modul Mukhayyam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sahrir, M. S., Osman, N., & Muhammad, I. S. 2020. Aplikasi ‘Konsep 4C’Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Guru Pelajar Sarjana Mod Pengajian Pendidikan Bahasa Arab Cuti Sekolah UIAM. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik (e-JBL)*, 2(1): 12-22.
- Yahaya, H., Sardi, J., Radzi, M., Youssef, I., & Abdelhamid, F. P. I. 2019. Development of a Mobile Application in Arabic Language Learning in Malaysia: An Overview. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(7): 1367-1376.
- Zaini, A.R., Zakaria, N., Hamdan, H., Ghazali, M.R. & Ismail, M.R. 2019. Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia. *Jurnal Pengajaran Islam* 12(1): 47-57.
- Zakaria, Z. & Hussin, T.H.A.T. 2020. Strategi PAK21 Subjek Bahasa Arab di Kalangan Guru Pelatih Universiti Pendidikan Sultan Idris di Sekolah Menengah. *International Journal of Modern Education* 2(5): 9-18.